



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 27 MEI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TINGKAT USAHA TRANSFORMASI SEKTOR PERTANIAN, MUKA SEPULUH, BH -10	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	FAMA RECORDS RM1.43MIL IN SALES DURING MCO, EVENTS, THE STAR -7	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	MPC GESA PENGAWAL SELIA GUNA PORTAL UPC, EKONOMI, UTUSAN SARAWAK -28	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Tingkatkan usaha transformasi sektor pertanian



Dari Kaca Mata

Datuk Seri Dr Ronald Kiandee
Menteri Pertanian dan Industri Makanan

Menerajui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA) yang besar dan penting, menuntut tanggungjawab serta amanah cukup besar.

Walaupun nama Kementerian diubah, kita tidak lari daripada perjuangan asal untuk menerajui transformasi pertanian supaya menjadi sektor moden dan kompetitif sehingga memberi pulangan lumayan kepada pengusaha tanaman, ternakan dan perikanan.

Kerajaan melihat keperluan untuk menerajui industri makanan secara keseluruhan. Maksudnya, bukan sahaja konteks pengeluaran atau pembekal makanan, tetapi keseluruhan rantaian nilai makanan.

Sudah tentu ini perlu dilakukan melalui pendekatan baharu dan luar kebiasaan bagi memastikan Kementerian dapat menghadapi cabaran sekuriti makanan termasuk disebabkan wabak COVID-19.

Saya yakin melalui barisan tenaga kerja berpengalaman di MOA yang memiliki kepakaran dalam bidang masing-masing, tanggungjawab besar ini dapat digalas dengan baik.

Bercakap soal sekuriti makanan negara, menjadi cabaran besar buat Kementerian untuk mencapai sasaran tahap sara diri (SSL) 75 peratus. Ketika ini pengeluaran padi dan beras sebagai makanan ruji negara hanya mampu memenuhi 70 peratus keperluan, manakala baki diimport dari pelbagai sumber.

Banyak isu perlu dilihat termasuk kekurangan tanah pertanian, pengurusan tanah pertanian, kualiti benih dan baja, serangan penyakit, kekurangan sumber air, umur majoriti pesawah, isu dalam pelaksanaan subsidi dan insentif kerajaan, masalah kekurangan data serta isu lain pada peringkat rantaian pe-

ngeluaran. Ia juga menyebabkan kos pengeluaran padi tinggi di Malaysia.

Sudah sampai masanya pengeluaran makanan dibangunkan sebagai sektor moden, berdaya saing dan komersial. Namun, persoalannya di mana kedudukan Malaysia ketika ini?

Jika dilihat, kedudukan *Global Food Security Index (GFSI)* negara meningkat daripada 40 pada 2018 kepada 28 daripada 113 negara pada 2019, dengan skor 73.8 iaitu pada tahap 'pencapaian baik'. Kita lebih ke hadapan berbanding Korea Selatan (29) dan China (35).

Kedudukan pada 2019 juga bertambah baik dari segi kemampuan makanan (daripada 36 kepada 28) dan keberadaan makanan (daripada 38 kepada 42).

Bagaimanapun kedudukan keselamatan makanan dan kualiti menurun daripada tangga 38 kepada 42. Walaupun kedudukan ini boleh dilihat agak selesa, ada ruang perlu ditambah baik.

Ketika ini Dasar Agromakanan Negara (2011-2020) pada peringkat akhir pelaksanaan, begitu juga dengan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11). Berdasarkan prestasi semasa, sektor agromakanan mencapai pertumbuhan 3.1 peratus berbanding sasaran 5.4 peratus ditetapkan.

Kini Dasar Agromakanan Negara 2.0 (2021-2030) serta RMKe-12 (2021-2025) sedang dirangka dan pasti tumpuan khusus akan turut diberi kepada transformasi sektor ini melalui Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0). Sasarannya untuk memberi suntikan lebih moden.

Teknologi seperti penggunaan dron, sistem pertanian pintar, kecerdasan buatan (AI) dan data raya dengan dibantu peningkatan penggunaan mekanisasi, benih bermutu yang rintang penyakit serta berdaya tahan tinggi daripada kesan perubahan iklim serta amalan agronomik mapan, akan dapat mengubah landskap sektor agromakanan negara dalam tempoh lima hingga 10 tahun akan datang.

Kementerian sentiasa memberi galakan kepada kumpulan sasar untuk mengusahakan aktiviti pertanian secara moden dengan aplikasi teknologi dan inovasi.

Inisiatif ini dapat dilihat ketika pembentangan Belanjawan 2020 apabila RM43 juta diperuntukkan ke arah pembangunan Industri

Pertanian 4.0 bagi membangunkan baka berkualiti dan berproduktiviti tinggi, seterusnya memacu ekonomi negara melalui sektor agromakanan.

Melihat kembali cabaran dihadapi, pertambahan penduduk yang dianggarkan 1.1 peratus setahun memerlukan usaha penghasilan bahan makanan setimpal. Ia turut memberi kesan kenaikan import bahan makanan.

Guna tanah pertanian untuk sektor agromakanan juga terhad kepada kurang 10 peratus daripada 8 juta hektar tanah pertanian negara, yang sebahagian besarnya membabitkan kelapa sawit dan getah.

Aspek guna tenaga serta produktiviti mengundangi cabaran. Puncunya status petani yang sudah berumur dengan kekurangan pelapis atau pengganti serta masih mengamalkan kaedah pertanian konvensional atau kurang penggunaan mekanisasi dan automasi selari tuntutan IR4.0.

Persepsi dalam kalangan belia bahawa bidang pertanian tidak memberi jaminan kehidupan berkualiti serta dikelaskan sebagai 3D (sukar, berbahaya, kotor) juga membelenggu. Ini menyebabkan sektor pertanian terus bergantung kepada buruh asing.

Lebih teruk ia mencetus polemik industri dari segi kos, sama ada untuk melabur dalam bidang teknologi yang mahal atau mendapatkan buruh asing yang jauh lebih murah. Buat masa ini hampir 37 peratus pekerja dalam industri ini tenaga kerja asing.

Cabaran pelaksanaan sistem subsidi tidak lestari juga antara

perlu diberi perhatian.

Sejumlah RM1.9 bilion setahun diperuntukkan kerajaan, namun terdapat keperluan segera untuk memperbaiki sistem pemberian subsidi sedia ada bagi mencapai hasrat kerajaan yang sebenar.

Pada peringkat Kementerian, kita akan terus menggiatkan usaha meningkatkan tahap pengeluaran makanan negara dengan menangani cabaran dihadapi dan memperkuatkan rantaian bekalan makanan.

Yang pasti, teknologi adalah strategi utama bagi mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing serta meningkatkan minat belia untuk menyertai sektor ini sebagai usahawan. Paling penting, industri ini mesti diremajakan dengan penyertaan lebih ramai belia.

Dengan penggunaan teknologi digital menerusi pertanian pintar, kecekapan serta produktiviti sektor ini juga dapat di-

pertingkatkan.

Lantas, persepsi negatif pertanian adalah pekerjaan 3D boleh dihapuskan dan nilai pendapatan petani moden pasti lebih tinggi.

Dalam mengadaptasi ledakan IR4.0, Kementerian akan meneroka dan membangunkan sistem pertanian moden berlandaskan teknologi.

Perkara ini akan dilaksanakan melalui projek di bawah RMKe-12 bagi mempersiapkan negara ke arah pembangunan sektor pertanian lebih maju, moden dan mampan selaras Agenda Pembangunan Mampaan 2030 (SDG 2030).

Kerajaan juga prihatin menyokong petani, nelayan dan penternak, terutama yang menceburi bidang keusahawanan dengan menyediakan dana bersesuaian.

Untuk 2019, RM86 juta disediakan dan jumlah ini ditambah kepada RM105 juta atau meningkat 22 peratus tahun ini.

Apa yang penting, semua perlu sederap melaksanakan transformasi bidang pertanian dan industri makanan supaya sektor agromakanan menjadi lebih moden, dinamik dan kompetitif.

Seperti saya maklumkan sejak hari pertama di Kementerian, bahawa kita semua seperti satu pasukan bola sepak, di mana saya dan timbalian adalah pemain baharu. Setiap pemain ada peranan masing-masing.

Atas semangat itu, marilah kita bergerak ke arah satu aspirasi yang sama bagi mempertingkatkan daya saing industri supaya mampu berdepan segala cabaran baharu baik pada peringkat domestik mahupun antarabangsa.

Apa yang penting, semua perlu sederap melaksanakan transformasi bidang pertanian dan industri makanan supaya sektor agromakanan menjadi lebih moden, dinamik dan kompetitif.



Pertanian menentang (vertikal) antara kaedah digunakan banyak negara bagi mengatasi masalah kekurangan tanah untuk bercucuk tanam.

TERENGGANU

Fama records RM1.43mil in sales during MCO

TERENGGANU Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) recorded sales totalling RM1.43mil through its controlled fresh markets since March when the movement control order (MCO) was imposed.

Fama director Fauzi Mohamed said of the number, the highest amount was RM752,454 from Myfarm Outlets, followed by RM431,057 from permanent farmers' markets.

"Operations centres recorded sales amounting to RM240,215 while online sales through


Agrobazaar stood at RM3,951," he said.

The sales comprised fresh produce such as vegetables, fruits, chicken, fish, meat, grocery items and agricultural-based products.

Fauzi said for Hari Raya Aidilfitri,

Terengganu Fama contributed Raya cookies worth RM2,500 to 35 recipients comprising single mothers, the poor and disabled.

The contribution was part of Fama's corporate social responsibility programme at Kampung Machang People's Agrobazaar near Ajil in Hulu Terengganu. — Bernama



Agrobazaar made RM3,951 in online sales. — Bernama

Headline	MPC gesa pengawal selia guna portal UPC		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	27 May 2020	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	28	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	339 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,159
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 9,477



MPC gesa pengawal selia guna portal UPC

KUALA LUMPUR: Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) menggesa semua kementerian dan agensi kerajaan untuk menggunakan portal Perundingan Awam Bersatu (UPC) untuk terus mengekalkan libat urus pihak berkepentingan mereka terutamanya semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Ketua Pengarah Datuk Abdul Latif Abu Seman berkata, dengan normal pendigitalan baharu, perundingan awam dalam talian melalui UPC akan dapat mengurangkan interaksi antara orang ramai dan memastikan jarak fizikal antara mereka.

"Dalam kita bergelut dengan impak daripada pandemik Covid-19 mengenai cara kita menjalankan libat urus dan kerjasama awam-swasta, tidak dinafikan bahawa agensi kerajaan seperti MPC perlu mengubah platform

penyampaian perkhidmatan kita untuk berteraskan kepada teknologi yang diupayakan secara digital untuk mencapai pelanggan dan asas pihak berkepentingan.

"Menangguhkan atau membatalkan perundingan awam perlu dielak, berikutan meneruskan libat urus pihak berkepentingan dengan memanfaatkan saluran digital seperti UPC akan mengukuhkan lagi usaha kita untuk melindungi kepentingan ekonomi dan sosial negara bagi memastikan daya tahanan kita dalam dunia selepas Covid-19," katanya kepada Bernama.

Baru-baru ini, MPC menganjurkan Sesi Webinar GRP mengenai 'Walkthrough Unified Public Consultation'.

Abdul Latif berkata antara bidang fokus utama MPC ialah melaksanakan Amalan Pengawalseliaan yang Baik, membolehkan penglibatan semua pihak berkepentingan dalam merangka peraturan dan dasar baharu, selain pindaan terhadap peraturan sedia ada.

Ini untuk memastikan evolusi landskap pengawalseliaan di Malaysia mengambil kira maklum balas dan kebimbangan pihak berkepentingan utama, katanya.

"Kini, portal UPC dalam talian merupakan saluran penting untuk memacu kerjasama awam-swasta, ke arah memastikan pembangunan landskap pengawalseliaan yang mampan, menumpukan kepada mengurangkan beban yang tidak perlu kepada pihak berkepentingan.

"Ini menjadi lebih penting terutamanya dalam menghadapi cabaran yang tidak pernah berlaku sebelum ini oleh pemiagaan Malaysia berikutan pandemik tersebut," katanya.

Antara pengawal selia yang aktif dalam UPC termasuklah Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Jabatan Standard Malaysia serta Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia.

Bagi kementerian, platform perundingan dalam talian itu telah menyaksikan penglibatan yang aktif antaranya daripada Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Sementara itu, Pakar Dasar dan Teknikal GRP MPC Datuk Ooi Say Chuan berkata, UPC akan memudahkan libat urus pihak berkepentingan dalam proses merangka peraturan dengan cara yang lebih berkesan dan telus.

"Idea ini yang memudahkan input mereka dalam platform terbuka menjadikan semua orang lebih bertanggungjawab dalam memberikan pandangan mereka," katanya, yang turut menggesa pengawal selia yang tidak mengambil bahagian untuk mengambil peluang daripada platform UPC itu berbanding mewujudkan yang baharu yang mungkin memakan masa dan mahal," katanya.

Sejak dilaksanakan pada Oktober 2019, UPC telah menyelesaikan 68 perundingan, dengan 51 perundingan sedang dijalankan.

Terdapat lebih 13,000 pengguna telah mendaftar di portal UPC untuk memberikan maklum balas dan cadangan mereka mengenai peraturan, selain menarik perhatian pihak berkepentingan dengan 160,283 pengunjung.

Portal UPC boleh diakses melalui www.upc.mpc.gov.my.
- Bernama



KETUA Pengarah Datuk Abdul Latif Abu Seman